

PEKELILING PENDAFTAR**Tarikh : 12 April 2021****Bil. 1/2021****No. Ruj.: UMS/PEND2.1/100-1/7/2****PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA DALAM BULAN RAMADHAN DAN
PELEPASAN BEKERJA SEPARUH HARI PADA SATU HARI SEBELUM PERAYAAN
HARI RAYA AIDILFITRI BAGI STAF BERAGAMA ISLAM****1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan bagi melaksanakan pindaan waktu bekerja dalam bulan Ramadhan dan pelepasan bekerja separuh hari pada satu hari sebelum perayaan Hari Raya Aidilfitri bagi staf Universiti Malaysia Sabah yang beragama Islam.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pihak Berkuasa Universiti melalui Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) Bil. 12/2021 Kali Ke-279 telah bersetuju menetapkan pelaksanaan waktu bekerja dalam bulan Ramadhan tahun 2021 (1 Ramadhan 1442) bagi staf yang beragama Islam selaras dengan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2019 (Pelaksanaan Waktu Berkerja Fleksi di Agensi Kerajaan Persekutuan) di UMS ditetapkan seperti yang dinyatakan di bawah.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Waktu Bekerja Pada Bulan Ramadhan Bagi Staf Beragama Islam di UMS adalah seperti berikut:

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja (mula)	Waktu Rehat	Waktu Bekerja (tamat)
WP1	Isnin – Khamis	7.30 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 1.30 ptg	1.30 ptg – 4.00 ptg
	Jumaat	7.30 pg – 11.45 pg	11.45 pg – 1.45 ptg	1.45 ptg – 4.00 ptg
WP2	Isnin – Khamis	8.00 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 1.30 ptg	1.30 ptg – 4.30 ptg
	Jumaat	8.00 pg – 11.45 pg	11.45 pg – 1.45 ptg	1.45 ptg – 4.30 ptg
WP3	Isnin – Khamis	8.30 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 1.30 ptg	1.30 ptg – 5.00 ptg
	Jumaat	8.30 pg – 11.45 pg	11.45 pg – 1.45 ptg	1.45 ptg – 5.00 ptg

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja (mula)	Waktu Rehat	Waktu Bekerja (tamat)
WP4	Isnin – Khamis	9.00 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 1.30 ptg	1.30 ptg – 5.30 ptg
	Jumaat	9.00 pg – 11.45 pg	11.45 pg– 1.45 ptg	1.45 ptg – 5.30 ptg

3.2 Waktu pelepasan bekerja separuh hari pada sehari sebelum perayaan Hari Raya Aidilfitri tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Hari Raya Aidilfitri jatuh pada hari Isnin hingga Sabtu;
- ii. Sekiranya perayaan jatuh pada hari Ahad, tiada pelepasan bekerja separuh hari diberikan pada hari Jumaat.

3.3 Pelaksanaan pindaan Waktu Bekerja dalam bulan Ramadhan dan Pelepasan Bekerja Separuh Hari Sebelum Perayaan Hari Raya Aidilfitri ini hanya terpakai kepada pegawai yang bekerja mengikut Waktu Bekerja Pejabat. Bagi pegawai yang bekerja mengikut syif, Ketua Jabatan akan menimbangkan kemudahan seumpama ini dengan membuat penyesuaian waktu bekerja selaras dengan keperluan perkhidmatan masing-masing.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa pada 13 April 2021. Pekeliling Pendaftar Bil. 4 Tahun 2018 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

Saya yang menjalankan amanah,



LUQMAN RIDHA ANWAR

Pendaftar

- s.k. ☞ Naib Canselor
 ☞ Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 ☞ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 ☞ Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
 ☞ Bendahari
 ☞ Ketua Pustakawan
 ☞ Penasihat Undang-Undang